

Penyelidik UPM kaji prospek eksport patin



Saya anak jati Temerloh dan berpendapat ikan patin di daerah ini berpotensi dimajukan. Apakah langkah kerajaan untuk mengembangkannya lagi industri itu.

Mustaffa Hamzah

Senggang, Pahang



Kita akui ikan patin di Temerloh berpotensi dimajukan untuk menembusi pasaran luar negara. Sejak dua tahun lalu, sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kajian mengenai aspek berkenaan. Kajian itu dijalankan melalui peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bernilai RM182,000.

Antara produk berjaya dihasilkan adalah masakan tempoyak, asam pedas, goreng berlada dan masakan barat. Kajian selanjutnya akan dilakukan secara lebih komprehensif bagi memastikan produk ikan patin mampu menembusi pasaran luar negara.

Kajian itu penting kerana setakat ini, pengeluaran ikan patin di Temerloh hanya antara 60 hingga 70 tan sebulan dan belum mencukupi untuk pasaran luar negara.

Datuk Saifuddin Abdullah

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi